



**ACOM (M) SDN. BHD.**

Company No. 202101024811 (1425111-V)

**ENGLISH VERSION  
AS OF 1 JUNE 2026**

## **Privacy Policy**

ACOM (M) SDN. BHD. (“**ACOM (M)**”, “**We**”, “**Us**” or “**Our**”) respects privacy and security of customers' personal data very seriously. This Privacy Policy (“**Policy**”) is issued in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 (“**PDPA**”), its subsidiary legislations and all amendments made thereto from time to time. We believe this Policy will help you to understand Our practice in collecting, processing, disclosing and protecting customers’ personal data.

### **PART 1**

#### **TYPES OF PERSONAL DATA WE COLLECT**

- 1.1 The types of personal data we collect include, but are not limited to, your name, date of birth, place of birth, age, gender, race, occupation, marital status, address, e-mail address, telephone number (or other contact information), family/siblings details, credit history, financial information such as your income, National Registration Identification Card MyKad number and other ID card number (if applicable), Internet Protocol (IP) address, log information to Our website and Cookies and your transaction history including video and audio recordings about you. We also collect your sensitive personal data which includes, but is not limited to, religious beliefs for the purposes set out in **PART 3** below.
- 1.2 You are required to provide Us with your personal data as requested by Us to enable Us to process your application for Our products or services. If you refuse to provide Us with your personal data, We may not be able to provide you with Our products or services. Similarly, if you at any time, while using Our products or services, withdraw or revoke your consent for Us to process your personal data, We may not be able to continue providing you with Our products or services.
- 1.3 We do not knowingly collect or process personal data from individuals under the age of

eighteen (18) years without prior verification of consent from a parent, guardian or person having parental responsibility over them. If We become aware that We have collected personal data from a minor without verified parental consent, We will take steps to obtain the aforesaid consent or delete that information.

## **PART 2**

### **HOW WE COLLECT YOUR PERSONAL DATA**

We may obtain your personal data in various ways, including but not limited to:

- (a) through the information you provide when you apply for Our products / services or any other contact with Us by various methods such as emails and letters, telephone calls and conversations you have with Our staff;
- (b) from Our analysis of your transactions (e.g. payment history, loan);
- (c) from third parties such as credit reporting agencies, government and regulatory authorities, employers, spouses, parents or any other family members;
- (d) when you visit Our website/mobile application or when you register an account at Our website/mobile application;
- (e) when you contact us or when we contact you using telephone, we may monitor or record the phone call for quality assurance, training and security purposes;
- (f) from video recordings from Our close circuit security surveillance cameras and audio recordings; or
- (g) through the information you provide when you take part in customer surveys, Our competitions, promotions or any other activities to improve the quality of Our products/services.

### **PART 3**

#### **PURPOSE OF PROCESSING YOUR PERSONAL DATA**

We will use, collect, record, store and process your personal data for the following purposes:

- (a) to assess your application for Our loan products and verify your creditworthiness or credit transaction;
- (b) to notify you of changes or developments to the features of Our products or services;
- (c) to respond to your enquiries, complaints and/or resolve disputes;
- (d) to update and manage the accuracy of your personal information and maintain your credit history for present and future reference;
- (e) for internal function such as market research, evaluating the effectiveness of marketing, risk management including credit risk modelling, reporting and product analysis to improve the quality of Our products/services;
- (f) to comply with legal and regulatory obligations;
- (g) for the purposes of marketing and promotion of Our products/services. For this purpose, you have the right at any time to request Us in writing via postal mail to stop sending you any marketing and promotional materials or contacting you for marketing purposes;
- (h) to prevent, detect or prosecute the cases of contract, crime and fraud;
- (i) to protect Our interests; and/or
- (j) for all other purposes related to Our service provided to you.

### **PART 4**

#### **DISCLOSURE OF YOUR PERSONAL DATA**

4.1 We will keep your personal data strictly private and confidential. However, subject at all times to any laws applicable to moneylenders, we may need to disclose your personal data to the following parties which you hereby consent:

- (a) entities within ACOM Group in and outside of Malaysia, to analyze Our service and provide best services for customers;
- (b) credit reporting agencies such as CTOS Data Systems Sdn. Bhd. and debt collection agencies;
- (c) enforcement regulatory and governmental agencies as permitted or requested by law, authorized by any order of court or to meet obligations to regulatory authorities;
- (d) professional advisors, service providers, vendors and strategic partners;
- (e) Our agents or contractors with whom we have contractual agreements for some of Our functions, services and activities; and/or
- (f) any other person or parties as we deem appropriate from time to time.

## **PART 5**

### **SECURITY OF YOUR PERSONAL DATA**

We take the physical, technical and organizational measures necessary to ensure the security and confidentiality of your personal data in accordance with applicable regulations and standards. We also take necessary measures to ensure that your personal data is not used for any purposes other than those set out in **PART 3** above.

## **PART 6**

### **RIGHT TO CORRECT, ACCESS AND WITHDRAW CONSENT TO PROCESS YOUR PERSONAL DATA**

- 6.1 If there are any changes to your personal data or if you believe that the personal data we have about you is inaccurate, incomplete or not updated, you shall within three (3) days of your knowledge thereof request for correction of your personal data. Please note that you are responsible to ensure that your personal data which you provide to us is accurate, complete and not misleading and that such data is kept up-to-date.
- 6.2 You may request for access to your personal data including to request for a copy thereof. We may charge a small fee (such amount as permitted by the PDPA) to cover the administration costs involved in processing your request to access your personal

data. Please note that we may refuse your request for access in accordance with PDPA.

- 6.3 Subject to the requirements of the applicable laws, regulations and Our products or services, you have the right to withdraw your consent for us to process your personal data. However, such withdrawal of consent may affect the continuance of Our products or services to you and may result in implications under the terms of Our products or services.
- 6.4 If you would like to request access to or correction of your personal data or withdraw your consent, please contact us by any of the methods set out in **PART 13** below.

## **PART 7**

### **RETENTION OF YOUR PERSONAL DATA**

- 7.1 We will retain your personal data for as long as we deem necessary in accordance with Our internal policy necessary to fulfil the purposes for which it was collected or to comply with legal, regulatory, internal requirements and Our obligations under any contract between us or any other purposes we deem necessary. We will delete or destroy your personal data if your personal data is no longer needed to fulfil the above purposes in accordance with Our internal policy.
- 7.2 Your personal data provided and collected (either manually, from Our website, Our mobile application or any other manner not stipulated herein) is stored in Our information technology storage facilities and servers. This data will continuously be stored in the information technology storage facilities and servers until it is deleted by Us in accordance with Our internal policy, notwithstanding that you may have, for instance, deleted Our mobile application or deleted your account registered with Us from your device.

## **PART 8**

### **CHANGES TO THIS POLICY**

- 8.1 Please note that we may modify and update this Policy from time to time and the updated Policy is available at Our company's website (<http://www.acom.com.my>).

8.2 You shall be subject to Our latest Policy applicable from time to time and you have the obligation, without us notifying you, to ensure that you are aware about Our latest applicable Policy.

8.3 By continuing to use the Service and/or access to Our website, you will be treated as having agreed to and accepted those amendments. Additionally, you hereby agree not to raise any issue on unilateral variations against Us.

## PART 9

### CONSENT AUTHORISATION

9.1 Pursuant to the Credit Reporting Agencies Act 2010 (“**CRA Act 2010**”) and Central Bank of Malaysia Act 2009, you agree to grant your consent to Us, CTOS Data Systems Sdn Bhd (“**CTOS**”) and Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. (formally known as RAM Credit Information Sdn. Bhd., “**Experian**”) to process your personal data.

9.2 You hereby grant ACOM (M) permission to obtain, verify and disclose any information submitted for the purposes of the Service, including but not limited to from or to Credit Information (as defined in the CRA Act 2010) relating to you from and/or to any source, including but not limited to Experian, CTOS and any other person, individual and/or entity, credit reporting/reference agencies and other financial institutions as ACOM (M) deems appropriate in relation to your credit application or transaction with you.

9.3 By this consent, you understand and agree that:

(a) ACOM (M) may conduct credit check including CCRIS on you with CTOS and Experian at any time for as long as you have a transaction with ACOM (M) or where any dues remain unpaid or outstanding, including but not limited to the following purposes:

- (i) Opening of account
- (ii) Credit/ account evaluation
- (iii) Credit/ account monitoring
- (iv) Credit/ account review
- (v) Debt recovery
- (vi) Legal documentation (for granting of Loan or debt recovery)

- (b) Where ACOM (M) requires any processing of your application to be processed by any processing centre located outside Malaysia, you agree to give consent to CTOS and Experian to disclose your credit and CCRIS reports to such locations outside Malaysia.
  - (c) Apart from the above, you agree to give consent to ACOM (M), CTOS and Experian to disclose your personal data per the Personal Data Protection Act 2010.
- 9.4 You further authorise and consent for ACOM (M) to disclose to any other person(s), bodies and authorities in or outside of Malaysia, including but not limited to, debt collection agents, companies within the group of ACOM, its respective agents and appointed outsourcing agents for the purposes of providing integrated services, maintaining and storing records, information and particulars (financial or otherwise), relating to your affairs, accounts, financing and conduct thereof for such purposes as ACOM (M) deems fit or appropriate.
- 9.5 ACOM (M) is expressly authorised by you to discuss with your present and future employer(s) regarding your use of the Service.
- 9.6 Such consent shall remain applicable as long as:
  - (a) the Loan and any payment due thereunder remains outstanding and until such consent is expressly revoked by you after the settlement of the Loan and any amount payable thereunder; and
  - (b) in the event you are the applicant of an unapproved Loan, as and when revoked by you in writing.
- 9.7 All forms and supporting documents submitted by you to ACOM (M) for your use of the Service shall be Our property and we shall be entitled to retain the same irrespective of the outcome of your application or use of the Service.
- 9.8 You acknowledge that ACOM (M) may retain a record of this consent and may disclose such record to CTOS, Experian and/or any relevant regulatory or governmental authorities for compliance, audit or verification purposes in accordance with the applicable laws, including the Credit Reporting Agencies Act 2010.

## **PART 10**

### **TRANSFER OF PERSONAL DATA OUTSIDE MALAYSIA**

- 10.1 Your personal data may be transferred to, stored, used and processed in a jurisdiction outside Malaysia where our service providers, processing centres or entities within ACOM Group are located.
- 10.2 You hereby consent to such transfer of your personal data outside Malaysia. We will take reasonable steps to ensure that any such transfer is carried out in accordance with the applicable data protection laws and that appropriate safeguards are in place to ensure a level of protection comparable to that provided under the Personal Data Protection Act 2010.
- 10.3 By virtue of this Policy and your continued use of our products and/or services, you acknowledge that you have been duly notified and have given your consent to the transfer of your personal data outside Malaysia. This Policy shall constitute the written notice to you in accordance with Section 129 of the Personal Data Protection Act 2010 in relation to such transfer.

## **PART 11**

### **CONSENT**

You hereby acknowledge that you have read and understood this Policy and by submitting your personal data to Us, you consented to the processing of your personal data by Us in accordance with the terms of this Policy.

## **PART 12**

### **LANGUAGE**

This Policy is made in English and translated into Malay. The English version is the original and the Malay version is for reference purposes. If there is any conflict or inconsistency between the two versions, the English version shall prevail to the extent of inconsistency.

## PART 13

### CONTACT INFORMATION

- 13.1 If you would like to request access to correction or withdraw consent for the processing of your personal data, kindly contact us through any of the contact methods below:

**Customer Service Section | ACOM (M) SDN. BHD.**

D-07-05, D-07-06, D-07-07 & D-07-08, Menara Suezcap 1,  
KL Gateway Mall, No.2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari,  
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**Contact Number** : 03 - 2382 8000

**E-mail** : [customer@acom.com.my](mailto:customer@acom.com.my)

- 13.2 Alternatively, for matters specifically relating to data protection, you may contact our Data Protection Officer via email at [dpo@acom.com.my](mailto:dpo@acom.com.my).



**ACOM (M) SDN. BHD.**

No. Syarikat 202101024811 (1425111-V)

**VERSI BAHASA MELAYU**

**BERKUAT KUASA 1 JUN 2026**

## **Dasar Privasi ACOM**

ACOM (M) SDN. BHD. (“**ACOM (M)**”, “**Kami**”, “**Kita**”) amat menghormati privasi dan keselamatan data peribadi pelanggan. Dasar Privasi (“**Dasar**”) ini dikeluarkan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”), peraturan subsidiari serta semua pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. Kami percaya Dasar ini akan membantu anda dalam mengumpul, memproses, mendedahkan dan melindungi data peribadi pelanggan.

### **BAHAGIAN 1**

#### **JENIS DATA PERIBADI YANG DIKUMPUL**

- 1.1 Jenis data peribadi yang kami kumpul termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, tarikh lahir, tempat lahir, umur, jantina, bangsa, pekerjaan, status perkahwinan, alamat, alamat e-mel, nombor telefon (atau maklumat untuk dihubungi yang lain), maklumat keluarga/adik-beradik, sejarah kredit, maklumat kewangan seperti pendapatan anda, nombor Kad Pengenalan MyKad dan nombor kad pengenalan lain (jika berkaitan), alamat Protokol Internet (IP), log maklumat pada laman web Kami dan *Cookies* serta sejarah transaksi anda termasuk rakaman video dan audio. Kami juga mengumpul data peribadi sensitif anda yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, kepercayaan agama bagi tujuan yang dinyatakan dalam **BAHAGIAN 3** di bawah.
- 1.2 Anda dikehendaki memberikan data peribadi anda kepada Kami seperti yang diminta oleh Kami untuk memproses permohonan anda bagi produk atau

perkhidmatan Kami. Jika anda enggan memberikan data peribadi anda, kami mungkin tidak dapat menyediakan produk atau perkhidmatan Kami kepada anda.

- 1.3 Kami tidak akan, setakat pengetahuan Kami, mengumpul atau memproses data peribadi individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun tanpa terlebih dahulu mengesahkan persetujuan daripada ibu bapa, penjaga atau orang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa ke atas individu tersebut. Sekiranya Kami menyedari bahawa Kami telah mengumpul data peribadi daripada seseorang kanak-kanak bawah umur tanpa persetujuan ibu bapa yang telah disahkan, Kami akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan persetujuan tersebut atau memadamkan maklumat berkenaan.

## **BAHAGIAN 2**

### **CARA KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI**

Kami mungkin memperoleh data peribadi anda melalui pelbagai cara termasuk, tetapi tidak terhad kepada,:

- (a) maklumat yang anda berikan semasa memohon produk/perkhidmatan Kami atau sebarang cara berhubung yang lain dengan Kami seperti e-mel, surat, panggilan telefon, dan perbualan dengan kakitangan Kami;
- (b) analisis Kami terhadap transaksi anda (contohnya, sejarah pembayaran, pinjaman);
- (c) pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit, pihak kerajaan dan pihak berkuasa, majikan, pasangan, ibu bapa atau ahli keluarga lain;
- (d) lawatan anda ke laman web/aplikasi mudah alih Kami atau pendaftaran akaun di laman web/aplikasi mudah alih Kami;

- (e) apa-apa perhubungan anda dengan Kami yang mana perbualan tersebut mungkin dipantau atau dirakam untuk jaminan kualiti, latihan dan keselamatan;
- (f) rakaman video daripada kamera pengawasan keselamatan litar tertutup Kami dan rakaman audio; atau
- (g) maklumat yang anda berikan semasa menyertai kaji selidik pelanggan, pertandingan, promosi, atau aktiviti lain untuk meningkatkan kualiti produk/perkhidmatan Kami.

### **BAHAGIAN 3**

#### **TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami akan menggunakan, mengumpul, merekod, menyimpan, dan memproses data peribadi anda untuk tujuan berikut:

- (a) menilai permohonan anda untuk produk pinjaman Kami dan mengesahkan kelayakan kredit atau kredit transaksi anda;
- (b) memaklumkan anda tentang apa-apa perubahan atau perkembangan pada ciri produk atau perkhidmatan Kami;
- (c) memberikan maklum balas terhadap apa-apa pertanyaan, aduan dan/atau penyelesaian pertikaian anda;
- (d) mengemas kini dan mengurus ketepatan maklumat peribadi anda serta mengekalkan sejarah kredit anda untuk rujukan masa kini dan masa depan;
- (e) fungsi dalaman seperti penyelidikan pasaran, menilai keberkesanan pemasaran, pengurusan risiko termasuk pemodelan risiko kredit, pelaporan dan analisis produk untuk meningkatkan kualiti produk/perkhidmatan Kami;

- (f) pematuhan peraturan dan undang-undang;
- (g) pemasaran dan promosi produk/perkhidmatan Kami. Bagi tujuan ini, anda berhak pada bila-bila masa untuk meminta Kami secara bertulis melalui pos untuk menghentikan penghantaran bahan pemasaran dan promosi atau daripada menghubungi anda untuk tujuan pemasaran;
- (h) mencegah, mengesan, atau mendakwa bagi kesalahan kontrak, jenayah dan penipuan;
- (i) melindungi kepentingan Kami; dan/atau
- (j) tujuan lain yang berkaitan dengan perkhidmatan Kami kepada anda.

#### **BAHAGIAN 4**

#### **PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA**

4.1 Kami akan memastikan data peribadi anda kekal sulit. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada undang-undang yang terpakai kepada Pemberi Pinjam Wang, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut yang anda persetujui:

- (a) mana-mana entiti di bawah ACOM Group sama ada di dalam dan luar Malaysia untuk menganalisis perkhidmatan Kami dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan;
- (b) agensi pelaporan kredit seperti CTOS Data Systems Sdn. Bhd. dan agensi kutipan hutang;

- (c) badan penguatkuasa, pengawalseliaan dan kerajaan seperti yang dibenarkan atau diminta oleh undang-undang, diberi kuasa oleh perintah mahkamah atau bagi memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa;
- (d) penasihat profesional, pembekal perkhidmatan, vendor, dan rakan strategik;
- (e) ejen atau kontraktor Kami yang mempunyai perjanjian kontrak dengan Kami bagi fungsi-fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami; dan/atau
- (f) mana-mana pihak lain yang Kami anggap sesuai dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN 5**

### **KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami mengambil langkah fizikal, teknikal, dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi anda selaras dengan peraturan dan piawaian yang terpakai. Kami juga mengambil langkah yang perlu untuk memastikan data peribadi anda tidak digunakan untuk sebarang tujuan lain selain daripada yang dinyatakan dalam **BAHAGIAN 3** di atas.

## **BAHAGIAN 6**

### **HAK ANDA UNTUK MEMBETULKAN DAN MENGAKSES DATA PERIBADI**

- 6.1 Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada data peribadi anda atau jika anda percaya bahawa data peribadi yang Kami miliki adalah tidak tepat, tidak lengkap atau tidak terkini, anda hendaklah meminta pembetulan data peribadi anda dalam tempoh tiga (3) hari selepas mengetahuinya. Sila ambil perhatian bahawa anda bertanggungjawab untuk memastikan data peribadi yang anda berikan kepada Kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa terkini.

- 6.2 Anda boleh meminta akses kepada data peribadi anda termasuk untuk mendapatkan salinan data tersebut. Kami mungkin mengenakan bayaran kecil (jumlah yang dibenarkan oleh PDPA) bagi menampung kos pentadbiran dalam memproses permintaan anda untuk mengakses data peribadi anda. Sila ambil perhatian bahawa Kami berhak menolak permintaan akses anda mengikut peruntukan PDPA.
- 6.3 Tertakluk pada kehendak undang-undang dan peraturan yang terpakai serta produk atau perkhidmatan Kami, anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda bagi Kami memproses data peribadi anda. Walau bagaimanapun, penarikan balik persetujuan tersebut boleh menjejaskan penerusan produk atau perkhidmatan Kami kepada anda dan boleh mengakibatkan implikasi di bawah terma produk atau perkhidmatan Kami.
- 6.4 Jika anda ingin meminta akses atau pembetulan data peribadi anda, sila hubungi Kami melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan dalam **BAHAGIAN 13** di bawah.

## **BAHAGIAN 7**

### **PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA**

- 7.1 Kami akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang diperlukan mengikut polisi dalaman Kami untuk memenuhi tujuan pengumpulan atau mematuhi keperluan undang-undang, peraturan, syarat dalaman dan kewajipan kontrak Kami atau apa-apa tujuan lain yang Kami anggap perlu. Kami akan memadam atau memusnahkan data peribadi anda jika data tersebut tidak lagi diperlukan bagi tujuan pengumpulan mengikut polisi dalaman Kami.
- 7.2 Data peribadi anda yang disediakan dan dikumpul (sama ada secara manual, laman web Kami, aplikasi mudah alih Kami atau kaedah lain yang tidak dinyatakan

di sini) disimpan dalam kemudahan storan teknologi maklumat dan pelayan Kami. Data ini akan disimpan secara berterusan dalam kemudahan storan teknologi maklumat dan pelayan sehingga dipadamkan oleh Kami mengikut polisi dalaman Kami walaupun anda, sebagai contoh, telah memadam aplikasi mudah alih Kami atau memadam akaun anda yang didaftarkan dengan Kami daripada peranti anda.

## **BAHAGIAN 8**

### **PERUBAHAN KEPADA DASAR INI**

- 8.1 Sila ambil perhatian bahawa Kami mungkin meminda dan mengemas kini Dasar ini dari semasa ke semasa dan Dasar terkini akan tersedia di laman web syarikat Kami (<http://www.acom.com.my>).
- 8.2 Anda akan tertakluk kepada Dasar terkini yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dan anda bertanggungjawab, tanpa notifikasi daripada Kami, untuk memastikan bahawa anda menyedari Dasar terkini yang terpakai.
- 8.3 Jika anda meneruskan penggunaan Perkhidmatan dan/atau mengakses laman web Kami, anda dianggap telah bersetuju dan menerima pindaan tersebut. Selain itu, anda dengan ini bersetuju untuk tidak membangkitkan sebarang isu secara unilateral terhadap Kami.

## **BAHAGIAN 9**

### **PERSETUJUAN DAN KEBENARAN**

- 9.1 Selaras dengan Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("**Akta Pelaporan Kredit**") dan Akta Bank Negara Malaysia 2009, anda bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada Kami, CTOS Data Systems Sdn. Bhd. ("**CTOS**") dan Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. ("**Experian**") untuk memproses data peribadi anda.

9.2 Anda dengan ini bersetuju untuk memberi kebenaran kepada ACOM (M) bagi mendapatkan, mengesahkan dan mendedahkan maklumat yang diserahkan untuk tujuan perkhidmatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat kredit (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Pelaporan Kredit) daripada/ke mana-mana sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Experian, CTOS dan mana-mana pihak, individu dan/atau entiti lain yang ACOM (M) anggap sesuai berhubung permohonan kredit anda atau transaksi dengan anda.

9.3 Dengan kebenaran ini, anda memahami dan bersetuju bahawa:

(a) ACOM (M) boleh menjalankan semakan kredit termasuk CCRIS terhadap anda dengan CTOS dan Experian pada bila-bila masa selagi anda mempunyai transaksi dengan ACOM (M) atau sebarang bayaran tertunggak masih belum dijelaskan termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan seperti yang berikut:

- (i) pembukaan akaun
- (ii) penilaian akaun/kredit
- (iii) penilaian akaun/kredit
- (iv) semakan akaun/kredit
- (v) pemulihan hutang
- (vi) dokumen perundangan (bagi pemberian pinjaman atau pemulihan hutang)

(b) Sekiranya pemprosesan permohonan anda melibatkan pusat pemprosesan di luar Malaysia, anda bersetuju memberikan kebenaran kepada CTOS dan Experian untuk mendedahkan laporan kredit dan CCRIS anda ke lokasi tersebut.

(c) Anda juga bersetuju bahawa ACOM (M), CTOS dan Experian boleh mendedahkan data peribadi anda selaras dengan PDPA.

- 9.4 Anda juga memberi kuasa dan kebenaran kepada ACOM (M) untuk mendedahkan kepada mana-mana pihak, badan, dan pihak berkuasa, di dalam atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada, ejen pengutip hutang, syarikat di bawah ACOM Group, ejen masing-masing dan ejen yang dilantik untuk tujuan menyediakan perkhidmatan bersepadu, menyelenggara dan menyimpan rekod, maklumat dan butiran (kewangan atau sebaliknya) berkaitan urusan, akaun, pembiayaan dan pelaksanaannya untuk tujuan yang ACOM (M) anggap sesuai atau wajar.
- 9.5 ACOM (M) secara jelas diberi kuasa oleh anda untuk berbincang dengan majikan anda pada masa ini dan masa hadapan mengenai penggunaan Perkhidmatan oleh anda.
- 9.6 Kebenaran ini akan terus berkuat kuasa sehingga:
- (a) pinjaman dan sebarang bayaran yang perlu dijelaskan masih tertunggak sehingga kebenaran ini secara jelas dibatalkan oleh anda selepas penyelesaian pinjaman dan sebarang jumlah yang perlu dibayar; dan
  - (b) anda membatalkan kebenaran ini secara bertulis sekiranya anda adalah pemohon pinjaman yang tidak diluluskan.
- 9.7 Semua borang dan dokumen sokongan yang diserahkan oleh anda kepada ACOM (M) untuk penggunaan perkhidmatan anda adalah milik Kami dan Kami berhak untuk menyimpannya tanpa mengira keputusan permohonan atau penggunaan perkhidmatan anda.
- 9.8 Anda mengakui bahawa ACOM (M) boleh menyimpan rekod persetujuan ini dan boleh mendedahkan rekod tersebut kepada CTOS, Experian dan/atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan yang berkaitan bagi tujuan pematuhan, audit atau pengesahan selaras dengan undang-undang yang terpakai, termasuk Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

**BAHAGIAN 10**  
**PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA**

- 10.1 Data peribadi anda boleh dipindahkan ke, disimpan, digunakan dan diproses di bidang kuasa di luar Malaysia di mana penyedia perkhidmatan, pusat pemrosesan atau entiti dalam ACOM Group kami berada.
- 10.2 Anda dengan ini memberikan persetujuan terhadap pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa apa-apa pemindahan sedemikian dilaksanakan mengikut undang-undang perlindungan data yang terpakai dan bahawa perlindungan yang sewajarnya disediakan bagi memastikan tahap perlindungan setanding dengan perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 10.3 Berdasarkan Polisi ini dan penggunaan berterusan anda terhadap produk dan/atau perkhidmatan Kami, anda mengakui bahawa anda telah dimaklumkan dengan sewajarnya dan telah memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia. Polisi ini hendaklah menjadi notis bertulis kepada anda selaras dengan Seksyen 129 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 berhubung dengan pemindahan tersebut.

**BAHAGIAN 11**  
**PERSETUJUAN**

Anda dengan ini mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Dasar ini serta, dengan menyerahkan data peribadi anda kepada Kami, anda bersetuju untuk membenarkan pemrosesan data peribadi anda oleh Kami selaras dengan terma dalam Dasar ini.

## **BAHAGIAN 12**

### **BAHASA**

Dasar ini dibuat dalam Bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Versi Bahasa Inggeris adalah versi asal, manakala versi Bahasa Melayu adalah untuk rujukan sahaja. Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai setakat ketidakselarasan tersebut.

## **BAHAGIAN 13**

### **MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

13.1 Sekiranya anda ingin meminta akses, pembetulan, atau bertanya tentang pemprosesan data peribadi anda, sila hubungi Kami melalui salah satu kaedah berikut:

**Bahagian Khidmat Pelanggan | ACOM (M) SDN. BHD.**

D-07-05, D-07-06, D-07-07 & D-07-08, Menara Suezcap 1,  
KL Gateway Mall, No.2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari,  
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**No. Telefon** : 03 - 2382 8000

**E-mel** : [customer@acom.com.my](mailto:customer@acom.com.my)

13.2 Sebagai alternatif, bagi perkara khusus yang berkaitan dengan perlindungan data, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Kami melalui e-mel di [dpo@acom.com.my](mailto:dpo@acom.com.my).